

Guna pengangkutan awam disasar 40% menjelang 2020

Oleh SADATUL MAHIRAN ROSLI

KUALA LUMPUR 13 Okt. - Kerajaan menasarkankan penggunaan pengangkutan awam dalam kalangan warga kota ditingkatkan kepada 40 peratus menjelang 2020 bagi mengatasi kesesakan jalan raya yang semakin meruncing.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pada waktu ini, penggunaan pengangkutan awam di ibu kota hanya sekitar 16 peratus, iaitu masih rendah berbanding bandar besar di dunia.

Beliau menarik perhatian peratusan penggunaan pengangkutan awam di Singapura ialah 56 peratus, Bangkok (30 peratus), Manila (54 peratus), Tokyo (49 peratus) dan Seoul (60 peratus).

"Sehubungan itu, kerajaan menasarkankan beberapa ciri perlu diberi perhatian oleh syarikat pengendali sistem pengangkutan bagi mencapai sasaran 40 peratus itu.

"Antara ciri yang diperlukan ialah sistem pengangkutan awam bersepadu, bergerak

tepat masa, memberi keselesaan kepada pengguna dan mengambil kira kemampuan pengguna di Lembah Klang," katanya.

Beliau berucap pada majlis Pelancaran Logo Baru Syarikat Prasarana Negara Berhad, majlis menandatangani Perjanjian Pembelian Koc untuk Laluan Kelana Jaya dan majlis memeterai perjanjian antara syarikat itu dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM) untuk Pengajian Diploma Pengurusan Pengangkutan Penumpang di sini, hari ini.

Menurut Najib, beliau masih tidak berpuas hati dengan sistem pengangkutan awam di bandar-bandar di negara ini kerana tidak memberi keselesaan yang sepatunya kepada penumpang.

"Malah, banyak aduan mengenai kelewatan pengangkutan awam, keadaan pengangkutan yang kurang memuaskan, laluan yang terhad dan kekerapan yang rendah.

"Sehubungan itu, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet bagi memastikan semua projek yang diluluskan berhubung dengan perancangan, pelaksanaan, integriti dan pemantauan mengenai

Antara ciri yang diperlukan ialah sistem pengangkutan awam bersepadu, bergerak tepat masa, memberi keselesaan kepada pengguna dan mengambil kira kemampuan pengguna di Lembah Klang

NAJIB TUN RAZAK
Timbalan
Perdana Menteri

pengangkutan di Lembah Klang dikendalikan oleh satu badan sahaja," katanya.

Najib memberitahu, majlis menandatangani perjanjian pembelian 35 koc untuk memanjatkan laluan LRT Putra Kelana Jaya hari ini adalah langkah pertama untuk meningkatkan keberkesanan sistem rel transit dan sekali gus memperbaiki sistem pengangkutan awam di negara ini.

Baru-baru ini kerajaan meluluskan rancangan untuk menaik taraf sistem pengangkutan awam di Lembah Klang melibatkan perbelanjaan bernilai RM10 bilion.

Perbelanjaan itu akan diperuntukkan mulai tahun ini sehingga 2010.

Rancangan itu akan dilaksanakan oleh

Syarikat Prasarana Negara Berhad, melibatkan penyambungan dan pembinaan landasan baru monorel, komuter dan sistem transit aliran ringan (LRT), pembelian has baru, pembangunan infrastruktur dan sistem tiket bersepadu.

Sementara itu, mengulas mengenai penglibatan Malaysia dalam proses rundingan perdamaian di selatan Thai, Timbalan Perdana Menteri berkata, sekiranya dijemput, Malaysia akan mempertimbangkannya.

"Ini kerana perkara yang sama pernah dilakukan oleh Malaysia semasa perundingan perdamaian antara kumpulan pesisir di selatan Filipina," jelasnya.